

113 pengadil jayakan Kursus Futsal AFC/FAM

UB 23.11.2016 A16

KOTAKINABALU: Seramai 113 peserta telah mengikuti Kursus Pengadil Futsal Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) / Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) 2016 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kursus tiga hari anjuran Jawatankuasa Futsal dan Bolasepak Pantai Persatuan Bolasepak Sabah (FBSC Sabah FA) itu telah diselenggarakan oleh Ketua Instruktur Pengadil FAM; Saminathan Marimuthu dibantu oleh Penolong Instruktur Pengadil FAM; Nazrul Anuar.

Majlis perasmian penutupan kursus itu telah dis-

empurnakan oleh timbalan pengurusi FBSC Sabah FA; Mohd Asyraaf Fong Abdul-lah yang mewakili pengurusi FBSC Sabah FA; Yamani Hafez Musa.

Asyraaf semasa menyampaikan teks ucapan Yamani berkata, pihak FBSC Sabah FA amat berbangga kerana kursus itu bukan sahaja berjaya menarik penyertaan para pengadil dari seluruh negeri Sabah, tetapi juga telah merekodkan jumlah penyertaan teramai dalam sejarah pengjurannya.

"Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan terkini berk-

enaan undang-undang futsal sejajar dengan perkembangan cara pengadilan di peringkat antarbangsa dan dunia.

"Dengan adanya asas yang baik ini, para pengadil ini bukan sahaja akan menjadi seorang pengadil yang berkalibar tetapi juga mampu untuk mengadili perlawanan-perlawanan peringkat lebih tinggi lagi di masa hadapan," jelas beliau.

"Bagi pihak jawatankuasa ini, kami berharap para pengadil yang menyertai kursus ini mendapat informasi yang ditunggu-tunggu selama ini.

"Dengan itu, mereka akan



PARA Pegawai dan peserta Kursus Pengadil Futsal AFC / FAM 2016 merakamkan kenangan beramai-ramai di Dewan Kuliah UMS baru-baru ini.

lebih yakin lagi dan mengaplikasikan apa yang dipelajari

melalui kursus ini semasa mengadili perlawanan-per-

lawanan, seterusnya meningkatkan kualiti pengadilan di

negeri Sabah ini," tambahnya lagi.